

Buku 13 Mei boleh dijual

um- 19/6/2007

KUALA LUMPUR 18 Jun – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata buku *13 Mei: Di Sebalik Dokumen Sulit Rusuhan 1969* tidak dikenakan perintah larangan di bawah Seksyen 7(1) Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984.

Menurut Perdana Menteri, keputusan itu dibuat setelah Kementerian Keselamatan Dalam Negeri menyemak buku tersebut, justeru ia juga dibenarkan untuk dijual di pasaran.

“Ini adalah kerana isi kandungan buku ini tidak memudaratkan keselamatan negara,” ujarinya.

Beliau berkata demikian dalam jawapan bertulis kepada soalan **Chow Kon Yeow (DAP-Tanjong)** pada persidangan Dewan Rakyat, hari ini.

Terdahulu Kon Yeow meminta Abdullah yang juga Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan keputusan yang diambil selepas kerajaan menyemak buku itu.

Buku itu ditulis oleh bekas Ahli Parlimen Petaling Jaya, Dr. Kua Kia Soong dan didakwa ditulis berdasarkan dokumen sulit Pejabat Rekod Awam di London itu antara lain turut mendakwa rusuhan tersebut berpunca daripada konspirasi kelas menengah untuk menjatuhkan kerajaan.